

SOALAN NO.: 40

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN :**

**DARIPADA : Dato' Takiyuddin bin Hassan**  
**[ Kota Bharu ]**

**TARIKH : 3 November 2014**

**SOALAN:**

**Dato' Takiyuddin bin Hassan**

**[Kota Bharu]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk mengawal kualiti udara di negara ini yang sering kali mengalami bacaan Indeks Pencemaran Udara yang kurang sihat.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan kualiti udara di seluruh negara sentiasa dipelihara pada tahap yang baik, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar melaksanakan Pelan Tindakan Udara Bersih 2010 yang telah menggariskan hala tuju kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam pengurusan kualiti udara dan langkah-langkah penyelesaian jangka masa pendek, sederhana dan panjang dalam menangani masalah pencemaran udara.

Beberapa strategi dan pelan tindakan telah dirumus dalam Pelan Tindakan Udara Bersih ini ke arah mempertingkatkan kualiti udara bagi kesejahteraan hidup rakyat.

Strategi-strategi yang telah digariskan dalam Pelan Tindakan Udara Bersih adalah:-

- (a) Mengurangkan pencemaran udara dari kenderaan bermotor;
- (b) Mengurangkan pencemaran udara dari aktiviti perindustrian;
- (c) Menangani masalah jerebu yang berpunca dari kebakaran tanah dan hutan serta aktiviti pembakaran terbuka;
- (d) Meningkatkan pembangunan modal insan dan pembangunan keupayaan; dan

(e) Memperkasakan program-program pendidikan dan kesedaran kepada orang awam serta mempertingkatkan penyertaan mereka dalam pengurusan kualiti udara yang lestari.

Sekian, terima kasih.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

### **DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL**  
**SINGH (BUKIT GELUGOR)**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2014 (ISNIN)**

**SOALAN : 41**

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh (Bukit Gelugor) minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan usaha-usaha terkini untuk menemui kapal terbang MH370 dan samada satu Suruhanjaya Siasatan Di-Raja akan dibentuk tujuan tersebut.**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat antara faktor yang menyebabkan kehilangan MH370 sukar dikesan hingga kini adalah kerana ketiadaan sebarang petunjuk yang *credible*. Selain itu, Pasukan Pencari juga gagal mengesan sebarang *debris* (serpihan) pesawat oleh kerana kawasan pencarian yang sangat luas.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah menubuhkan satu pasukan khas penyiasat MH370 mengikut kehendak *ICAO Annex 13*. Pasukan penyiasat ini terdiri dari kalangan mereka yang berkelayakan dan berpengalaman di dalam menjalankan penyiasatan sesuatu tragedi pesawat. Selain daripada itu, pasukan penyiasat ini juga disertai oleh pakar-pakar penyiasat dari negara Amerika Syarikat, United Kingdom, China, Perancis, Indonesia dan Singapura. Kerajaan Malaysia akan terus komited di dalam meneruskan usaha mencari dan menyiasat punca kehilangan pesawat MH370 biarpun negara kini sedang berhadapan dengan tragedi pesawat MH17.